



ABDULLAH Ahmad Badawi dengan diiringi Mohd. Bakri Omar memeriksa perbarisan anggota polis pada majlis sambutan Hari Polis Ke-197 di Dataran Kawat, Pulapol, Kuala Lumpur, semalam.

um - 26/3/2004,
m/s: 2.

Kabinet: PM akan temui pemimpin BN

Oleh ROZILAN SALLEH

KUALA LUMPUR 25 Mac — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau perlu mengadakan pertemuan dengan pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) sebelum membentuk Kabinet baru setelah BN memperoleh kemenangan besar pada pilihan raya umum Ahad lalu.

Perdana Menteri berkata, pertemuan itu sedang diaturkan oleh pejabatnya.

"Nanti bila selesai, bolehlah kita umum, tengoklah nanti, sabarliah," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan sambutan Hari Polis Ke-197 di

Pusat Latihan Polis (Pulapol) di sini, hari ini.

Abdullah ditanya bilakah beliau akan mengumumkan senarai anggota Kabinetnya yang baru.

Beliau bagaimanapun mengulangi kenyataannya sebelum ini bahawa Kabinet akan mengadakan mesyuarat pertama Rabu ini yang akan turut disertai oleh muka-muka baru.

Mengenai kriteria pemilihan anggota Kabinet, beliau berkata, perkara itu hanya akan diketahui setelah senarai menteri yang terpilih ditetapkan.

"Bila tengok nanti, baru anda akan faham kriterianya," katanya.

Abdullah yang turut ditanya

apakah portfolio yang akan dipenggangnya selepas ini, berkata: "Kita bagi orang lain dahulu, yang lebih-lebih baru saya ambil."

"Kita kena tengok semua dahulu, selepas itu saya fikir (portfolio) apa untuk saya. Jawatan Perdana Menteri memang sudah untuk saya kan?," katanya secara berseloroh.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai cadangan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman supaya sebuah badan bebas ditubuhkan berikutan kekecohan pada hari pengundian Ahad lepas, Abdullah berkata: "Itu hal Suruhanjaya (SPR), bukan saya."

Menurutnya, apa yang penting ialah BN akan menunaikan janji-janji kepada rakyat dan bekerja lebih kuat setelah diberi mandat besar pada pilihan raya umum itu.

"Bagi saya, saya sedang menghadapi tugas besar, pilihan raya telah selesai, saya telah mendapat mandat yang besar dan dengan itu saya menghadapi tugas berat.

"Pada saya, kemenangan BN adalah kemenangan rakyat kerana rakyat telah menerima agenda kita," jelasnya.

BN memenangi 198 daripada 219 kerusi Parlimen termasuk 17 yang dimenangi tanpa bertanding pada hari penamaan calon, 13 Mac lepas.